

**NO. SOALAN: 540**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWABLISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI ]**

**RUJUKAN : 7321**

**SOALAN:**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- a) statistik bilangan penagih dadah dan penghidu gam yang ditahan mengikut jantina, umur dan keturunan di Wilayah Persekutuan dari tahun 2009 sehingga Jun 2014. Sila nyatakan mengikut kawasan Parlimen; dan
- b) garis masa untuk menukar kesemua PUSPEN kepada pusat-pusat C&C.

## **JAWAPAN:**

Bagi menjawab soalan (a), buat masa ini kerajaan tidak mengharamkan penjualan gam kerana ianya merupakan bahan komersil yang mempunyai pelbagai guna. Walaubagaimanapun, kerajaan sedang menggubal Akta Bahan Khayal yang memperuntukkan supaya penyalahguna bahan mengkhayalkan diberi rawatan awal melalui kaunseling, program dalam komuniti dan diletakkan di bawah pengawasan pegawai pemulihan supaya kembali kepada masyarakat dalam keadaan pulih.

Walaupun bagaimanapun, AADK menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela kepada penagih bahan khayal (inhalan). Berdasarkan kepada ASSIST (*Alcohol, Smoking and Substance Involvement Screening Test*) yang dijalankan di Klinik *Cure & Care 1Malaysia*, pada tahun 2013 seramai 229 orang klien terlibat dengan penagihan bahan khayal dan tahun 2014 pula seramai 36 orang *klien*.

Statistik bilangan penagih dadah di Wilayah Persekutuan mengikut jantina, umur dan keturunan adalah seperti di Lampiran.

Bagi menjawab soalan (b) sehingga Julai 2010, AADK mempunyai 28 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Walaubagaimanapun, pada Julai 2010 AADK telah menukarkan peranan dan fungsi 6 buah PUSPEN kepada Klinik *Cure & Care 1Malaysia* yang mana menawarkan perkhidmatan rawatan dan

**pemulihan dadah secara sukarela kepada klien tanpa melibatkan perundangan. Sehingga tahun 2013, sebanyak 12 buah Klinik *Cure & Care* 1Malaysia sedang beroperasi yang terdiri daripada 11 buah PUSPEN dan sebuah Pusat Khidmat AADK.**

**AADK masih lagi mengekalkan sebanyak 20 buah PUSPEN bagi menempatkan kemasukan klien di bawah perintah Mahkamah supaya menjalani rawatan dan pemulihan di dalam institusi di bawah Seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Kemasukan klien ke PUSPEN di bawah Seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 adalah bagi klien enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela.**

**Pada masa ini, AADK tidak merancang untuk menambah bilangan Klinik C&C kerana 12 klinik yang sedia ada sudah mencukupi untuk menampung kemasukan penagih dadah yang mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela. Selain Klinik C&C, penagih juga boleh mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela dalam komuniti yang disediakan di 62 buah *Cure & Care Service Centre* (CCSC) di seluruh negara.**

## LAMPIRAN

### ASSIST KLINIK C&C1 MALAYSIA 2013

JENIS DADAH		JUMLAH MENGIKUT TAHAP KEPARAHAN						JUMLAH
		RENDAH		SEDERHANA		TINGGI		
		<i>Inpatient</i>	<i>Outpatient</i>		<i>Outpatient</i>	<i>Inpatient</i>	<i>Outpatient</i>	
1	TEBKAU	54	35	1997	1882	564	349	4881
2	OPIAT	25	54	357	537	1685	467	3125
3	ATS	73	225	663	797	552	254	2564
4	ALKOHOL	178	169	254	275	78	31	985
5	GANJA	111	107	270	195	66	36	785
6	LAIN-LAIN*	78	36	176	132	89	43	554
7	INHALAN	21	19	77	66	34	12	229
8	PIL TIDUR	12	15	47	35	34	10	153
9	HALUSINOGEN	10	11	30	36	18	12	117
<b>JUMLAH</b>		<b>562</b>	<b>671</b>		<b>3955</b>	<b>3120</b>	<b>1214</b>	<b>13393</b>

\*Kebanyakannya adalah kokain, syabu dan ubat penenang

Skor tertinggi

2014

JENIS DADAH	JUMLAH MENGIKUT TAHAP KEPARAHAN			JUMLAH
	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI	
1 TEMBAKAU	58	631	109	798
2 OPIAT	33	232	236	501
3 ATS	58	250	109	417
4 ALKOHOL	64	64	14	142
5 GANJA	31	74	15	120
6 LAIN-LAIN*	8	39	26	73
7 INHALAN	8	10	18	36
8 HALUSINOGEN	2	9	10	21
9 PIL TIDUR	1	13	6	20
<b>JUMLAH</b>	<b>263</b>		<b>543</b>	<b>2128</b>

\*Kebanyakannya adalah kokain, syabu dan obat penenang

Skor tertinggi

b)

<b>BIL.</b>	<b>PUSPEN</b>	<b>TAHUN BERTUKAR PERANAN KEPADA KLINIK C&amp;C 1MALAYSIA</b>
1	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Sungai Besi, Kuala Lumpur.	1 Julai 2010
2	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	15 Julai 2010
3	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Tampoi, Johor Bahru.	15 Julai 2010
4	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kota Bharu, Kelantan.	15 Julai 2010
5	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kuching, Sarawak.	15 Oktober 2010
6	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Papar, Sabah.	01 November 2010
7	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Tampin, Melaka	04 April 2011
8	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Jerantut, Pahang.	17 Julai 2011
9	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Karangan, Kedah.	01 Mei 2012
10	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Bachok, Kelantan.	01 Ogos 2012
11	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Dengkil, Selangor.	01 Januari 2013
12	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Sungai Ruan, Pahang.	01 September 2013

**JUMLAH KLIEN SEKSYEN 6(1)(a) APD (R&P) 1983  
DI CCRC SEHINGGA 10 SEPTEMBER 2014**

BIL	CCRC	Kapasiti	SebenarMinggul ni	KekosonganSemasa	MelebihiKapasiti
<b>ZON UTARA</b>					
1	BKT. CHABANG PERLIS	300	323	0	23
2	SERDANG KEDAH	300	316	0	16
3	KG. SELAMAT P.PINANG	300	330	0	30
4	BATU KURAU PERAK	300	328	0	28
5	PERLOP PERAK	300	336	0	36
6	KARANGAN	50	69	0	19
<b>ZON TENGAH &amp; SELATAN</b>					
7	KARAK PAHANG	300	243	57	0
8	RAUB PAHANG	300	294	6	0
9	GAMBANG PAHANG	300	249	51	0
10	BENTA PAHANG	250	318	0	68
11	SG.RUAN PAHANG	100	30	70	0
12	JELI KELANTAN	300	299	1	0
13	BACHOK KELANTAN (WANITA)	200	146	54	0
<b>ZON SABAH &amp; SARAWAK</b>					
14	MUAR JOHOR	300	177	123	131
15	KOTA TINGGI JOHOR	300	231	69	0
16	TIANG DUA MELAKA	300	286	14	0
17	JELEBU N.SEMBILAN	300	315	0	15
18	SERENDAH SELANGOR	250	238	12	0
19	CCVC SEPANG SELANGOR	200	90	110	0
<b>ZON SABAH &amp; SARAWAK</b>					
0	PAPAR SABAH	250	197	53	0
21	KUCHING SARAWAK	150	137	13	0
<b>JUMLAH</b>		<b>5350</b>	<b>4952</b>	<b>633</b>	<b>368</b>